

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak kementerian bercadang menubuhkan sebuah '*task force*' untuk menyelesaikan masalah guru duka lara yang masih berlarutan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima lebih kurang 40,000 permohonan pertukaran guru. Ini melibatkan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah. Daripada jumlah ini, lebih kurang 7,500 permohonan adalah dengan alasan mengikut pasangan atau sering kali dirujuk sebagai duka lara. Selain itu, terdapat juga guru yang memohon pertukaran atas alasan lain seperti sakit kronik diri atau keluarga, ancaman keselamatan dan tempoh perkhidmatan yang lama di suatu tempat.

Secara dasarnya, pertimbangan bagi permohonan pertukaran guru dilaksanakan dengan mengambil kira tiga perkara utama, iaitu keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di tempat yang dimohon. Dalam mempertimbang permohonan pertukaran guru, KPM perlu memastikan pembelajaran murid tidak terjejas.

Pada masa ini, pertukaran guru dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-GTukar. Sistem ini telah dibangunkan sejak tahun 2008. Permohonan pertukaran bagi tahun 2020 sedang diproses oleh KPM menggunakan sistem sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, KPM sedang mengkaji secara menyeluruh kaedah dan sistem pertukaran guru sedia ada agar proses pertukaran guru dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. KPM komited untuk memastikan kebajikan guru sentiasa diberi keutamaan.

Sekian, terima kasih.